



UCAPAN KETUA PENGARAH SEMINAR PENGURUSAN RISDA NEGERI TERENGGANU 2008

TEMPAT: TERENGGANU EQUESTARIAN RESORT, KUALA IBAI,
KUALA TERENGGANU

TARIKH: 16 JANUARI 2008
MASA: 11.00 PAGI

- Yang Berusaha Pengacara Majlis
- Yang Dihormati Pn.Hjh. Zainabon bt Ismail,
Pengarah RISDA Negeri Terengganu
- Yg.Dihormati En Zakaria bin Mat Zin,
Timbalan Pengarah RISDA Negeri
- Semua PRD, Pegawai Kanan RISDA Negeri serta Pengurus
Anak Syarikat
- Semua Ketua Stesen, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, peserta-
peserta Seminar Pengurusan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita berkumpul pada pagi yang mulia ini di Terengganu Equestrian Resort yang serba indah dan menarik ini bagi Majlis Seminar Pengurusan RISDA Negeri Terengganu 2008. Syabas dan tahniah kepada Pengarah RISDA Negeri kerana telah berjaya mengaturkan Seminar seumpama ini mendahului negeri-negeri lain.

3

2. Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan ribuan terima kasih kepada PRN kerana telah sudi menjemput Yg. Bhg. Dato' Ketua Pengarah untuk merasmikan Seminar ini tetapi beliau tidak dapat hadir kerana perlu hadir Mesyuarat Post Kabinet pada hari ini di KKLW. Beliau telah meminta saya untuk mewakili beliau dan sampaikan salam beliau kepada semua peserta Seminar pada hari ini. Bagi pihak Yg. Bhg. Dato', saya mengucapkan tahniah kepada PRN serta krewnya kerana berjaya menganjurkan Seminar Pengurusan ini yang bertemakan 'Membudayakan Amalan Pertanian baik ke arah peningkatan produktiviti kebun dan pekebun' dengan

4

membincangkan isu-isu amalan pengurusan yang telah dilaksanakan di PT serta menambahkan pengetahuan melalui pembentangan kertas kerja. Saya harap semua pembentangan diterima secara positive untuk tindakan penambahbaikan yang berterusan di RISDA.

3. Saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan 'Selamat Tahun Baru 2008 dan tahun Hijrah 1429' walaupun terlewat sedikit namun kita masih belum terlewat untuk memberikan komitmen dan sumbangan kita untuk memberikan input dan usul yang konkrit untuk perancangan

5

dan pelaksanaan program pembangunan pekebun kecil bagi tahun 2008 ini. Kepada Staf yang telah melaksanakan Haji pada tahun ini, tahniah juga saya ucapkan kerana telah berjaya melaksanakan Rukun Islam kelima. Semoga segala amalan kita diterima Allah S.W.T, InsyaAllah.

Tuan-Tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Amanat Pengurusan RISDA bagi tahun 2008 yang telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah pada 27 Disember 2007 yang lalu, merupakan Garis

6

Panduan kepada semua staf RISDA dalam melaksanakan gerak kerja pembangunan masyarakat pekebun kecil pada tahun ini. Perkara-perkara yang di beri penekanan dan fokus pada tahun ini adalah memperkasakan setiap komponen 'back to basic'. Kita seharusnya peka kepada keperluan dan hakikat terhadap tugas dan tanggungjawab yang diberikan dan diamanahkan.

5. Pada hari ini Puan Hjh. Zainabon akan menyampaikan Amanat Pengurusan bagi Negeri Terengganu yang berlandaskan Amanat Pengurusan RISDA 2008 tetapi

7

diperhalusi untuk Negeri Terengganu. Saya difahamkan selama 2 hari Seminar ini sejumlah 7 kertas Kerja akan dibentangkan oleh PRN dan PRD untuk mengoperasikan Amanat Pengurusan. Rebutlah peluang yang disediakan kepada kita untuk sama-sama terlibat dalam perancangan program pembangunan dan mencetuskan idea yang bernas, berkualiti dan rasional untuk dijadikan panduan bagi menjayakan matlamat RISDA bagi tahun ini.

8

6. Saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk menyentuh beberapa perkara untuk kita kongsi bersama-sama dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya.

7. Dalam kita melaksanakan program pembangunan, **Sistem Penyampaian** kita perlu lancar, telus dan berkualiti. Perkara ini penting di beri perhatian. Kerajaan telah melancarkan **Pelan Integriti Nasional (PIN)** , RISDA juga telah merangkakan Pelan Integriti RISDA dan pihak pengurusan berharap semua stf RISDA dapat mematuhi dan memenuhi semua arahan dan keperluan yang digariskan.

9

8. Organisasi RISDA dan **imej korporat RISDA** akan melonjak dengan sendirinya sekiranya semua lapisan staf RISDA berusaha meningkatkan **mutu perkhidmatan, keupayaan dan kemahiran dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, meningkatkan integriti, budaya kerja cemerlang**, melihat dan menilai prestasi kerja dari sudut luaran dan dalaman, meningkatkan kemahiran dalam penguasaan teknologi maklumat dan sentiasa melakukan anjakan paradigma sesuai dengan perubahan persekitaran.

9. Pengurusan RISDA akan sentiasa memberi ruang dan peluang kepada semua lapisan pegawai dan staf untuk **memajukan diri dan kerjaya** demi kemajuan dan kecemerlangan RISDA dan masyarakat pekebun kecil.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

10. Saya ada menekankan mengenai bekerja sebagai satu pasukan iaitu **Pasukan RISDA**. Satu pasukan boleh menghasilkan penyatuan tenaga, idea dan cita-cita dalam satu ikatan yang bersatupadu. 'Bersatu kita teguh, bercerai

11

kita roboh'. Dengan semangat ini, gunung yang tinggi dapat dirobohkan, lautan yang dalam dapat diratakan, kerja yang berat menjadi ringan dan kerja yang sulit menjadi senang.

11. Saya yakin dan percaya dengan kebolehan dan **iltizam** warga RISDA untuk melaksanakan segala dasar yang telah ditetapkan. Pegawai-pegawai RISDA perlu meneruskan usaha bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang wujud hari ini bagi membolehkan sektor pekebun kecil menangani cabaran masa depan yang semakin dinamik dan kompetitif.

12

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

12. Untuk berjaya dalam **era globalisasi** hari ini kita tidak boleh bersikap statik, mudah berpuas hati mahupun selesa dengan pencapaian sedia ada. Kita mesti terus melakukan proses pembaharuan serta penambahbaikan secara berterusan. Kita tidak boleh lagi meneruskan kebiasaan budaya kerja seperti biasa. Kita perlu wujudkan satu **budaya kerja** yang lebih unggul. Misalnya, kita amalkan budaya kerja tidak menangguhkan kerja. Setiap Pegawai perlu selesaikan setiap kerja pada hari itu juga. Jika ini dapat diterapkan dalam diri kita,

13

saya yakin RISDA akan menjadi satu Organisasi yang cemerlang.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

13. Marilah kita bersama-sama mencipta **masa depan** yang lebih gemilang untuk RISDA dan warganya kerana jika kita statik dan gagal dalam usaha untuk menggunakan segala kelebihan yang wujud dalam RISDA kita akan ketinggalan di belakang. Harus diingat bahawa peluang yang kita sia-siakan akan diambil manfaatnya oleh pihak lain. Janganlah kita mendedikasikan

14

hidup kita bagi mencari alasan kenapa kita tidak mampu untuk mencapai kecemerlangan sebaliknya marilah kita bersama-sama menjadikan hidup kita sebagai satu misi besar bagi mengatasi segala cabaran untuk menikmati kejayaan demi kejayaan dan masa depan yang lebih cerah.

11. Saya ingin menyuarakan harapan agar Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian dapat berbincang dan mengeluarkan idea-idea yang bernas dan praktikal untuk memperbaiki perancangan dan pelaksanaan program pembangunan pekebun kecil. Saya percaya dan menaruh penuh keyakinan semua idea yang bakal

15

dikemukakan semasa Seminar ini boleh dilaksanakan di peringkat lapangan demi untuk meningkatkan keberkesanan peranan RISDA sebagai peneraju kemajuan pekebun kecil dan industri getah negara

11. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Puan PRN di atas kesudian untuk menjemput saya dan semoga hasil sumbangan idea peserta seminar serta keputusannya dapat kita gunakan untuk membangunkan pekebun kecil.

16

Dengan lafaz '**Bismillahirrahmanirrahim**', saya bagi pihak Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah, merasmikan Seminar Pengurusan RISDA Negeri Terengganu Bagi Tahun 2008'

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah , Wassalammualaikum w.b.t**